

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (6)  
Tarikh : 17 Jun 2014

**Ketua Pengarah  
Utusan Malaysia**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA DI RUANGAN SMS MMS ANDA  
BERTARIKH 16 JUN 2014, ISNIN – M.S: 23**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh **MINAH CUTE** berkenaan cadangan mengambil gambar sendiri di kedai gambar kerana mutu tangkapan gambar di JPN pada kad pengenalan tidak berkualiti.

3. Bagi permohonan yang dilakukan di kaunter JPN, kamera yang digunakan untuk mengambil gambar akan mengimbas imej pemohon mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan imej gambar akan dipaparkan kepada pemohon untuk persetujuan sebelum permohonan diluluskan. Sekiranya pemohon tidak berpuashati kualiti gambar yang diambil, petugas kaunter akan mengambil semula gambar pemohon sehinggalah pemohon berpuashati dengan kualiti gambar yang diambil.

4. Pada masa kini sistem pengambilan gambar yang dilaksanakan di kaunter JPN adalah merupakan sistem yang diintergrasikan dengan sistem permohonan kad pengenalan. Inisiatif ini juga dilaksanakan untuk memudahkan pelanggan agar tidak perlu menanggung kos gambar dan membolehkan pelanggan membuat urusan setempat yang juga membantu menjimatkan masa berurusan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah.

**Pejabat Perhubungan Awam,**

b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)  
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)